



MAJLIS ISLAM SARAWAK

**MAJLIS ISLAM SARAWAK**  
Aras 16 &17  
Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Lorong P. Ramlee Off Jalan P. Ramlee  
93400 Kuching Sarawak

Emel : mis50@sarawak.gov.my  
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

**PEJABAT YANG DIPERTUA**  
TEL : 082507214 FAKS : 082507240

**PEJABAT SETIAUSAHA**  
TEL : 082507215 FAKS : 082507241

**TALIAN AM**  
TEL : 082507251/507250 FAKS : 082507254



SARAWAK MAJU MAKMUR  
1963-2023

**Rujukan kami** : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (28)  
**Tarikh** : 30 Oktober 2023

## **SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan (JKP) Masjid dan Surau Seluruh Negeri Sarawak**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

### **PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 6/2023: PENGURUSAN AKAUN JAWATANKUASA PENGURUSAN (JKP) MASJID DAN SURAU SARAWAK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid dan Surau-  
Majlis Islam Sarawak (JPHEMS-MIS) Kali Ke-74 Bil.8/2023 pada 27 Oktober 2023 telah  
mengambil maklum beberapa isu pengurusan akaun yang tidak mengikut Prosedur  
Kewangan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak, 2004 serta  
pekeliling dan arahan semasa yang dikeluarkan.

3. Sehubungan itu, mesyuarat telah bersetuju memutuskan perkara-perkara  
berikut:

- i. Setiap JKP Masjid dan Surau hanya dibenarkan membuka satu (1) akaun bank sahaja di mana-mana bank yang mengamalkan perbankan patuh syariah;
- ii. Pembukaan dan penggunaan lebih dari satu akaun hendaklah mendapat kelulusan Majlis Islam Sarawak dengan mengemukakan justifikasi yang kukuh dan munasabah;
- iii. JKP Masjid dan Surau hendaklah mendapatkan surat sokongan daripada Majlis Islam Sarawak melalui Pejabat Agama Islam Bahagian sebelum pembukaan akaun di bank yang dipilih;
- iv. Penutupan atau pertukaran akaun bank, penukaran nama akaun bank dan penukaran nama penandatanganan akaun hendaklah mendapat kebenaran Majlis Islam Sarawak; dan
- v. Pengurusan akaun hendaklah tertakluk kepada Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak & Prosedur Kewangan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak 2004 (Pindaan 2008/2009)

3. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa mulai **27 Oktober 2023**.



**Rujukan kami** : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (28)  
**Tarikh** : 30 Oktober 2023


4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"PEMACU KECERMELANGAN UMMAH"**

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(DATU HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)**

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

- s.k:
1. Semua Pegawai Agama Islam Bahagian – Mohon kerjasama pihak tuan untuk mengemukakan Pekeliling ini kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau di Bahagian masing-masing.
  2. Bank Negara Malaysia Cawangan Sarawak
  3. Semua Pejabat Daerah Seluruh Sarawak